

**E-TRACE (SISTEM PEMINJAMAN FAIL TUTUP/ SELESAI)
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR (JAKESS)**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Nama Projek : E-TRACE
Keterangan Projek : Mencipta Aplikasi Peminjaman Fail Selesai Dalam Talian.
Kategori Projek : Penambahbaikan.
Bidang Inovasi : Penyampaian perkhidmatan..
Penyataan Masalah : Tempoh masa yang panjang untuk mencari dan meminjam fail selesai bagi penyediaan perintah atau dokumen dalam satu permohonan pencarian dokumen oleh pelanggan.
Sasaran Projek :

1. Membolehkan kakitangan mengetahui status kewujudan fail di Unit Rekod dan melakukan pinjaman atas talian, mudah diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan hanya memerlukan talian internet.
2. Peningkatan produktiviti kakitangan kerana tiada lagi isu kekeliruan mengenai status kewujudan fail selepas melakukan carian melalui aplikasi E-TRACE ini.
3. Memberikan kepuasan kepada pelanggan terhadap perkhidmatan jabatan kerana melalui projek ini dapat mempercepatkan perolehan dokumen asli atau asal yang dimohon.

I-Smug telah membangunkan sistem E-TRACE, iaitu aplikasi peminjaman fail dalam talian yang membantu penyediaan dan pencarian salinan asal dokumen rasmi atau maklumat yang telah didokumenkan, dengan mengetahui status kewujudan fail tutup dan selesai merangkumi fail perundangan, pentadbiran serta kewangan di Seksyen Rekod, Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Projek ini berpotensi untuk dikembangkan lagi penggunaannya dalam melakukan carian dokumen dan maklumat secara menyeluruh, merentasi daerah dan lokasi di bawah JAKESS pada bila-bila masa diperlukan.

Projek ini dipilih kerana mengambil kira keperluan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kakitangan, penggunaan kos yang sederhana, menepati fungsi, visi dan misi jabatan, mendatangkan impak positif kepada perkhidmatan terhadap pelanggan, mampu diselesaikan dan boleh diselesaikan dengan segera serta tidak mengubah dasar jabatan.

Impak Projek kepada Jabatan

1. Menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kakitangan khususnya untuk mengetahui status kewujudan dokumen di Seksyen Rekod Jabatan.
2. Memendekkan tempoh semakan status kewujudan rekod tersebut daripada 30 hari kepada 10 minit atau lebih singkat daripada itu.

3. Mengurangkan risiko kesilapan memberi maklumat kepada pelanggan yang akan menyebabkan kesusahan kepada pelanggan di kemudian hari.
4. Mencipta sebuah aplikasi atas talian yang dapat digunapakai oleh kakitangan dengan sangat mudah, cepat dan tepat.
5. Tidak memerlukan tenaga pekerja kerana semakan fail boleh dilakukan di atas talian dan boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.
6. Menjamin produktiviti jabatan dan kepuasan kepada pelanggan.
7. Meraih kepuasan dan kepercayaan pelanggan mengenai komitmen jabatan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Potensi Pengembangan Projek

1. Projek ini adalah sangat praktikal dan berpotensi untuk diperluaskan lagi penggunaannya agar dapat digunakan oleh Mahkamah Syariah seluruh negara mahupun agensi yang lain dalam memudahkan carian fail dan mengelakkan kekeliruan atau kesilapan maklumat yang diberikan kepada pelanggan.
2. Aplikasi E-TRACE ini sangat relevan, ringkas dan mudah digunakan dan dalam jangka masa yang lebih panjang selain dapat membantu memudahkan pengurusan peminjaman fail di jabatan ini.

LAPORAN PROJEK

1. PROJEK / INOVASI

Mencipta aplikasi peminjaman dalam talian E-TRACE bagi membantu penyediaan dan pencarian salinan asal dokumen rasmi atau maklumat yang telah didokumenkan setelah mengetahui status kewujudan fail tutup dan selesai merangkumi fail perundangan, pentadbiran dan kewangan di Seksyen Rekod, Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS).

2. KRITERIA PEMILIHAN PROJEK

Projek ini mampu mengurangkan masalah dan aduan yang melibatkan kelemahan sistem carian fail dan menambahbaik pengurusan perkhidmatan Seksyen Rekod. Faktor-faktor yang menjadi kriteria kepada pemilihan projek ini adalah seperti yang berikut:

- a) Projek ini merupakan satu penyelesaian bagi masalah yang seringkali timbul mengenai keluhan kakitangan dalam pencarian fail;
- b) Projek ini bertujuan untuk memberi kemudahan pencarian bagi urusan peminjaman fail di Seksyen Rekod jabatan; dan
- c) Projek ini berpotensi untuk dikembangkan lagi penggunaannya dalam melakukan carian dokumen dan maklumat secara menyeluruh, merentasi daerah dan lokasi di bawah JAKESS pada bila-bila masa diperlukan.

3. SIGNIFIKAN PROJEK

3.1. Menyokong Dalam Pelaksanaan Fungsi Jabatan

- a) Melakukan penambahbaikan perkhidmatan selari dengan Fungsi Jabatan.

Projek ini dilaksanakan sebagai salah satu langkah menyokong fungsi utama JAKESS dalam mengurus tadbir rekod dokumen rasmi sama ada rekod rasmi perundangan, pentadbiran mahupun kewangan.

Projek ini dapat membantu pelanggan untuk mendapatkan semula dokumen asal yang telah hilang melalui sistem E-TRACE yang telah dibangunkan dalam masa yang singkat, sekaligus memastikan pengurusan Mahkamah Syariah dilaksanakan secara berkesan dan berkualiti.

b) Menyokong pelaksanaan Visi dan Misi Jabatan.

Selain daripada itu, projek ini juga mampu menjadi salah satu penanda aras dalam menyokong Visi dan Misi Jabatan untuk menjadi Institusi Kehakiman Syariah yang terunggul di Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, adil dan efisien dengan mengadakan sebuah sistem carian fail yang bersifat responsif, mudah digunakan oleh kakitangan dalam menguruskan pinjaman fail serta mendapatkan dokumen yang diperlukan oleh pelanggan dan pada masa yang sama memberi kepuasan kepada pelanggan.

Projek ini juga menyokong Misi Jabatan dalam menjalankan pengurusan rekod Mahkamah Syariah secara berkesan dan sistematik berasaskan peruntukan undang-undang di mana sistem yang dicipta adalah sangat mudah diakses, terurus dan relevan dengan capaian data hanya di hujung jari pada hari ini dan paling penting adalah tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

3.2. Memberikan Perkhidmatan Terbaik Dalam Memenuhi Kehendak Pelanggan

Projek ini memfokuskan kepada penyelesaian masalah terhadap aduan kakitangan dalam menguruskan permohonan pencarian dokumen oleh pelanggan dalaman dan luaran.

Berdasarkan analisis data aduan kakitangan mahkamah, masalah kelewatan carian dan mendapatkan fail sering berlaku dalam kalangan kakitangan Jabatan ini, dan secara tidak langsung akan mempengaruhi kepuasan pelanggan serta pihak berkepentingan JAKESS. Masalah ini perlu diselesaikan dengan segera untuk memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan ini kepada para pelanggan tidak terjejas sekaligus dapat memastikan kepuasan para pelanggan pada tahap yang cemerlang.

Dapatan ini diperolehi berdasarkan kepada **kekerapan pertanyaan daripada kakitangan melalui borang carian rekod, panggilan telefon atau pesanan aplikasi *Whatsapp* ke talian peribadi atau talian perkhidmatan pegawai di Seksyen Rekod** mengenai status kewujudan fail yang disimpan sebelum wujudnya sistem pencarian fail ini. Selain daripada itu, **temu bual bersama kakitangan jabatan** yang bertanggungjawab dalam pengurusan dokumen perundangan, pentadbiran dan kewangan juga turut dilakukan bagi mengesahkan sumber dapatan daripada kakitangan mengenai masalah ini.

Temu bual yang dilakukan turut membincangkan mengenai kesan atau akibat daripada masalah ini, antaranya adalah ketidakpastian di mana lokasi fail tersebut berada menyebabkan kakitangan yang bertanggungjawab tersebut perlu berulang alik ke Seksyen Rekod, menyangka fail tersebut telah diletakkan di Seksyen Rekod

sedangkan fail berkenaan masih dalam senarai peminjaman dan belum dipulangkan, atau masih dalam tindakan kemaskini dan belum diturunkan ke Seksyen Rekod walaupun telah berstatus selesai dan ditutup. Kesilapan maklumat dan salah faham ini menyebabkan aktiviti carian dan peminjaman fail lambat diselesaikan dan tempoh pelanggan mendapat dokumen yang diperlukan menjadi panjang.

3.3. Mendukung Aspirasi Kerajaan Negeri

Projek ini dibangunkan dan dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif untuk menyahut seruan kerajaan, merealisasikan paradigma baharu dalam konteks menginovasikan penyampaian perkhidmatan awam untuk menjadi lebih mudah diakses dan tangkas dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Dalam perkara ini, I-Smug memberi tumpuan kepada projek inovasi yang mendayagunakan sumber sedia ada dalam Jabatan namun menghasilkan keputusan yang produktif dan berkesan kepada pelanggan dalaman dan luaran.

3.4. Keperluan Keadaan Semasa Dan Kaitan Dengan Peruntukan Undang-Undang

Projek ini meletakkan keutamaan untuk memberikan maklumat yang tepat dan cepat serta memberi kemudahan kepada kakitangan mengurus permohonan pencarian dokumen rasmi bagi pelanggan atau pihak berkepentingan yang memerlukan salinan asli perintah atau dokumen yang dikeluarkan oleh mahkamah atau JAKESS, dengan efisien tanpa perlu berulang kali hadir ke Seksyen Rekod atau menghubungi talian Pegawai Rekod disebabkan ketidakpastian lokasi fail.

3.5. Mensasarkan Impak Yang Positif Kepada Pelanggan Berdasarkan Kriteria Berikut :-

a) Wujud elemen Kreatif dan Inovatif:

- I. Satu idea baru yang berbentuk **penciptaan** sebagai langkah penyelesaian masalah yang pernah timbul kepada kakitangan dan pelanggan; dan
- II. Satu idea yang berkonsepkan **penambahbaikan** kepada fungsi sedia ada untuk memastikan proses carian maklumat lebih lancar dan cepat.

b) Impak positif kepada pelanggan dalaman dan luaran:

- I. Merupakan sebuah aplikasi dalam talian yang membolehkan kakitangan mengetahui status kewujudan fail di Seksyen Rekod dan **mudah diakses** pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan hanya memerlukan talian internet;

- II. Tidak **memerlukan komputer** semasa memasuki dan menggunakan sistem ini. Mendapatkan maklumat dengan **lebih cepat dan tepat** bagi urusan pinjaman fail dan permohonan pencarian dokumen;
- III. Peningkatan **produktiviti kakitangan** kerana tiada lagi isu kekeliruan mengenai status kewujudan fail selepas melakukan carian melalui aplikasi E-TRACE ini; dan
- IV. Memberikan **kepuasan kepada pelanggan** terhadap perkhidmatan jabatan kerana melalui projek ini dapat mempercepatkan perolehan dokumen asli yang dimohon.

c) Pulangan Nilai Terbaik.

Sistem ini direka dan dicipta dengan **tanpa mengeluarkan sebarang kos wang ringgit**, sebaliknya ia dicipta dengan mendayagunakan kreativiti dan kebolehan kakitangan dalam JAKESS terutama dari Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk membuat uji cuba penambahbaikan dalam sistem yang sedia ada. Sistem ini juga tidak **memerlukan tenaga kerja yang baru** untuk mengawal selia atau menguruskannya kerana boleh diakses sendiri oleh warga kerja melalui sistem yang telah disediakan.


d) Pengkomersialan.

Aplikasi E-TRACE ini mempunyai potensi untuk ditambahbaik lagi fungsinya dan boleh diperluaskan penggunaannya untuk dimanfaatkan oleh setiap lokasi Mahkamah Syariah di Selangor.

3.6. Pembuktian Melalui Analisis Dan Ujicuba

Sebuah sesi *brainwriting* telah diadakan untuk mengenalpasti masalah seterusnya diikuti dengan teknik *force ranking* dan kajian data-data sejarah bagi memilih projek yang akan dilaksanakan. Seterusnya berdasarkan kaedah Analisa Data Matriks, kumpulan I-Smug akhirnya telah memilih projek E-TRACE kerana wujudnya keperluan untuk menyelesaikan masalah tempoh masa bagi mengetahui status kewujudan fail yang disimpan oleh Seksyen Rekod. Hasil kajian mendapati projek ini tidak memerlukan kos yang tinggi, dapat diselesaikan dengan kemahiran dan kebolehan kakitangan sedia ada, dan pelaksanaannya tidak memerlukan perubahan kepada dasar jabatan serta menepati objektif untuk menambahbaik perkhidmatan dan pengurusan Seksyen Rekod.

CARTA PAI ANALISA DATA MATRIKS



Berdasarkan Analisis Data Matriks ini, masalah mengenai tempoh masa untuk mengetahui status perintah bagi kes Mal dan Faraid mendapat undian tertinggi kerana:

- a) Kekerapan masalah ini berlaku di Mahkamah terutamanya yang berkaitan permohonan carian dokumen perintah perundangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Selangor;
- b) Carian dokumen perundangan, pentadbiran dan kewangan adalah aktiviti penting yang menjadi penanda aras penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan; dan
- c) Masalah ini adalah paling berpotensi dan sesuai dipilih untuk diselesaikan kerana:
 - I. Menepati fungsi, visi dan misi jabatan;
 - II. Tidak memerlukan kos yang tinggi; dan
 - III. Berpeluang mendayagunakan potensi dan kemahiran sedia ada di kalangan kakitangan untuk mencipta dan menambahbaik fungsi aplikasi E-TRACE.

TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN

4. STRATEGI DAN PROSES PENYELESAIAN

Berdasarkan gambarajah Ishikawa, terdapat 3 punca utama kepada masalah tempoh masa untuk mengetahui status kewujudan fail iaitu:

- a) **Faktor Manusia:** Kelemahan kakitangan yang kurang jelas dengan maklumat yang diperlukan seperti kedudukan fail;
- b) **Faktor Kaedah:** Kaedah sedia ada dalam melakukan pencarian adalah tidak berpusat dan menyukarkan proses semakan, pencarian, peminjaman serta pemulangan semula fail direkodkan, serta tiada medium bagi semakan dalam talian yang boleh dibuat oleh warga kerja jabatan; dan
- c) **Faktor Persekitaran:** Kedudukan simpanan rekod fail selesai dan berstatus telah ditutup ditempatkan di kawasan Seksyen Rekod yang khusus, terasing dan berjauhan dengan aktiviti unit perundangan, pentadbiran serta kewangan.

Sehubungan dengan itu, I-Smug telah mencipta aplikasi E-TRACE bagi menyelesaikan masalah tersebut. Aplikasi E-TRACE ini membantu pelanggan menyemak terlebih dahulu status carian kewujudan Fail secara carian dalam talian sebelum hadir ke Seksyen Rekod untuk mengambil fail tersebut. Hal ini bagi memastikan fail yang dicari telah tersedia dan pelanggan tidak perlu berulang alik ke Seksyen Rekod.

5. PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN PROJEK

Bagi merealisasikan penciptaan ini, I-Smug telah menyediakan Pelan Tindakan Penyelesaian seperti berikut:

TAHUN 2021

Aktiviti/ Tindakan	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
<i>Brainstorming</i>											
Mengumpul dan mengemaskini data fail											
Mencipta draf / lakaran sistem (<i>interface</i>)											

Aktiviti/ Tindakan	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Temu bual dan pemerhatian kekerapan masalah tempoh masa carian fail											
Memasukkan maklumat fail-fail kes Mal, Jenayah, Urusan Am dan Kewangan ke dalam sistem											
Menyemak ketepatan carian di dalam sistem											
Menambahbaik sistem <i>interface</i> berdasarkan komen daripada ahli											
Menjalankan temu bual bersemuka bersama pengguna E-Trace (kakitangan jabatan)											
Ujicuba penggunaan produk kali -1											
Mengumpul maklumbalas dan menyemak ketepatan carian.											

Aktiviti/ Tindakan	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Hebahan kepada kakitangan dan pelanggan											

 Perancangan
 Pelaksanaan

TAHUN 2022

Aktiviti/ Tindakan	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
Penambahbaikan produk												

 Perancangan
 Pelaksanaan


I-Smug telah menjalankan 1 kali ujicuba serta membuat penambahbaikan dan akhirnya telah berjaya menghasilkan produk yang ditambahbaik dengan ciri-ciri yang berikut:

BIL	CIRI-CIRI	SPESIFIKASI
1.	Mesra Telefon Bimbit	Mudah diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan capaian internet.
2.	Perekodan	Menambah fungsi <i>Notification Email</i> supaya ada rekod permohonan telah dibuat.
3.	Maklumat Permohonan	Lebih mudah dan jelas bagi memudahkan carian dibuat.
4.	Kapasiti data fail tanpa batasan	Menambah pautan data pada sistem supaya boleh menyimpan lebih banyak data untuk menampung pertambahan fail yang disimpan ke Seksyen Rekod.

Tempoh Penghasilan Projek

Projek ini telah dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan mulai 15 Februari 2021 sehingga 15 Ogos 2021.

6. PENGHASILAN DAN PELAKSANAAN PROJEK YANG UNIK DAN BERIMPAK TINGGI DAN MENYELURUH



7. PEMBUKTIAN MELALUI PEROLEHAN DATA

7.1. Memendekkan Carta Alir Carian Status Kedudukan Dan Pinjaman Fail



Carta alir sebelum kewujudan aplikasi atas talian E-TRACE

Selepas aplikasi dalam talian E-TRACE diwujudkan, kakitangan (pelanggan dalaman) boleh terus membuat semakan dan mengetahui status fail.

Kakitangan membuat semakan fail secara atas talian melalui portal Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) di ruangan Warga JAKESS.

Klik pada pautan aplikasi dalam talian dan memilih sistem e-AFTS/ e-CFTS

Kakitangan membuat pinjaman fail secara atas talian melalui:

<https://www.picktime.com/eRBS> yang disediakan di dalam sistem e-AFTS/ e-CFTS setelah status kedudukan fail berada di Seksyen Rekod.

Semakan harian akan dilakukan oleh Pentadbir sistem e-Trace di Seksyen Rekod. Sekiranya ada permohonan peminjaman fail melalui sistem e-RBS, pemakluman pengambilan fail di Seksyen Rekod dimaklumkan secara atas talian melalui emel yang dihantar oleh sistem tersebut.

Pelanggan hadir ke Mahkamah untuk mengambil dokumen tersebut daripada fail yang dipinjam oleh kakitangan.

Carta alir selepas kewujudan aplikasi atas talian E-TRACE

7.2. Penjimatan Tenaga Kerja

Kebiasaannya, proses pencarian fail memerlukan banyak tenaga kerja seperti permohonan, pengisian borang, carian fail, dan penyusunan semula fail. Justeru, kewujudan sistem telah banyak memudahkan proses dan mengurangkan tenaga kerja.

SEBELUM		SELEPAS	
Jumlah Petugas	Fungsi	Jumlah Petugas	Fungsi
1. Petugas Kaunter Seksyen Rekod 2. Pembantu pendaftar dan operasi (Warga kerja) di unit perundangan, pentadbiran dan kewangan	- Mengisi borang permohonan secara manual - Menjawab pertanyaan pemohon sama ada melalui panggilan telefon atau di kaunter, untuk mendapatkan maklumat - Membuat carian fail - Menyediakan dokumen rasmi fail seperti dalam permohonan	1. Pembantu pendaftar dan operasi (Warga kerja) di unit perundangan, pentadbiran dan kewangan	Kakitangan boleh terus menggunakan sistem E-TRACE bagi membuat carian maklumat untuk mendapatkan status kewujudan fail, tanpa melakukan pertanyaan melalui panggilan telefon atau pesanan ringkas, serta terus mengisi permohonan dalam pautan yang disediakan.

7.3. Penjimatan tempoh carian maklumat

SEBELUM		SELEPAS	
Tempoh Masa	Tugas	Tempoh Masa	Tugas
1. Kaunter: 17 minit	Mendapatkan maklumat daripada pegawai dan petugas di Seksyen Rekod dan mengisi borang carian fail	1. Carian dan pengisian permohonan atas talian: 5 minit	Terus melakukan carian dan permohonan pinjaman melalui E-TRACE

3. Carian fail di Seksyen Rekod: 30 hari		2. Carian fail di bilik fail: 5 minit	
--	--	---------------------------------------	--

7.4. Peningkatan Kualiti Kerja Kakitangan Dan Kepuasan Pelanggan

- a) Memberi penyelesaian dan kemudahan kepada pelanggan dalaman untuk melakukan sendiri carian fail melalui E-TRACE.
- b) Peningkatan produktiviti dan kepuasan kepada warga kerja.
- c) Memastikan kualiti kerja yang lebih efisien kepada warga kerja.

KEBERHASILAN PROJEK (OUTCOME)

8. PENCAPAIAN (OUTCOME)

- a. Merupakan sebuah aplikasi yang mudah digunakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan hanya memerlukan talian internet.
- b. Memberi penyelesaian masalah yang dihadapi kakitangan selaku pelanggan dalaman sebelum ini berikutan pencarian fail.
- c. Mengelakkan kesilapan perolehan fail.
- d. Meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan komitmen jabatan dalam memberikan yang terbaik dengan mempercepatkan permohonan dokumen.
- e. Memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien dalam pengurusan carian fail.

9. KESAN KEPADA JABATAN

Penciptaan sistem E-TRACE ini merupakan satu inisiatif Jabatan dalam menyelesaikan masalah yang pernah dihadapi sebelum ini berkenaan pencarian fail. Usaha ini menunjukkan komitmen Jabatan yang prihatin bagi menjaga privasi dan mengelakkan daripada kebocoran maklumat kepada pihak yang tidak berkenaan. Produk ini juga tidak memerlukan sebarang kos semasa menggunakannya dan mudah diakses oleh kakitangan di jabatan ini sahaja.

10. POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

- 10.1.** Projek ini adalah sangat praktikal dan mampu memberi sumbangan kepada Jabatan dari segi peningkatan imej baik kerana Jabatan sentiasa berusaha untuk memudahkan urusan dan menyediakan perkhidmatan terbaik bagi setiap pelanggan yang berurusan di Mahkamah.
- 10.2.** Sistem E-TRACE ini berpotensi untuk diperluaskan lagi penggunaannya agar dapat digunakan di semua lokasi mahkamah di Negeri Selangor dengan menjadikannya sebuah sistem yang boleh dimuat turun di dalam telefon pintar yang rata-ratanya dimiliki oleh segenap lapisan masyarakat pada masa kini. Ini kerana sistem E-TRACE ini sangat relevan, ringkas dan mudah digunakan dan dalam jangka masa yang lebih panjang, dan dapat membantu memudahkan warga kerja dalam membuat carian sesuatu maklumat yang tidak terhad.
- 10.3.** Dalam tempoh/jangka masa panjang, projek ini dicadangkan untuk ditambahbaik sehingga mampu dimuat turun dalam bentuk aplikasi yang boleh diakses melalui sistem android, IOS, dan juga boleh digunakan bagi tujuan penambahbaikan projek yang lain.

11. PENUTUP

Dengan kewujudan sistem ini diharapkan dapat membantu dan memudahkan urusan kerja warga kerja Jabatan ini sekaligus meningkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan yang pantas dan cekap serta berkualiti kepada para pelanggan dan pemegang taruh. Pada masa yang sama dapat memberikan inspirasi kepada Jabatan lain untuk menggunakan mahupun membangunkan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik sebagaimana yang menjadi aspirasi Kerajaan Negeri.

LAMPIRAN LAPORAN PROJEK
E-TRACE
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
I-SMUG

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
SELANGOR

1. Pelantikan KIK I-Smug



**SURAT PELANTIKAN
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR**

Ruj. Kami : 100-14/5 JLD.3 (17)
Tarikh : 31 Julai 2019

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Seperti Senarai Edaran

Tuan/Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF I-SMUG
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Perubahan persekitaran yang berbeza serta kehendak pelanggan, memerlukan usaha-usaha yang inovatif dan kreatif serta menyeluruh dalam kalangan pegawai dan kakitangan di peringkat jabatan. Usaha seperti ini akan dapat mengubah dan memperkenalkan cara kerja baru yang lebih cekap, efektif dan berkesan serta dapat menghasilkan output dan outcome yang lebih baik. Pengurusan JAKESSENTIA sentiasa menggalakkan penglibatan semua kakitangan dalam mengutarakan idea-idea inovasi yang kreatif selaras dengan perkembangan semasa.

3. Bagi memenuhi hasrat ini, pendekatan melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) perlu digerakkan dengan mewujudkan KIK di peringkat jabatan. Sehubungan dengan itu, **tuan/puan adalah dilantik sebagai ahli KIK I-Smug** dengan harapan agar hasrat jabatan dapat direalisasikan.

Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

100-14/5 JLD. 3(17)

SENARAI EDARAN

Kumpulan Inovatif dan Kreatif I-Smug

1. Puan Nurul Aini binti Mohamad Alias
Pembantu Syariah LS19
Mahkamah Rendah Syariah Ampang
2. Encik Muhammad Faizal bin Abdullah
Pembantu Syariah LS19
Mahkamah Rendah Syariah Ampang
3. Puan Nur Syafiqah binti Mohd Ariff
Pembantu Syariah LS19
Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat
4. Puan Nurul Farah binti Mohd. Osman
Pembantu Syariah LS19
Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur
5. Puan Shahnorzalina binti Mat Yusof
Pembantu Tadbir N19
Mahkamah Rendah Syariah Hulu Selangor
6. Puan Norsyazwanie Amani binti Zahrin
Pembantu Tadbir (Kew) W19
Mahkamah Rendah Syariah Hulu Selangor



**SURAT PELANTIKAN
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR**

Ruj. Kami : 100-14/5 JLD. 3 (16)
Tarikh : 31 Julai 2019

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Puan Maryam Jameelah binti Ali Sabri
Pegawai Sulh Mahkamah Rendah Syariah Ampang

Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI KETUA KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF I-SMUG
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Perubahan persekitaran yang berbeza serta kehendak pelanggan, memerlukan usaha-usaha yang inovatif dan kreatif serta menyeluruh dalam kalangan pegawai dan kakitangan di peringkat jabatan. Usaha seperti ini akan dapat mengubah dan memperkenalkan cara kerja baru yang lebih cekap, efektif dan berkesan serta dapat menghasilkan *output* dan *outcome* yang lebih baik. Pengurusan JAKESSENTIAL sentiasa menggalakkan penglibatan semua kakitangan dalam mengutarakan idea-idea inovasi yang kreatif selaras dengan perkembangan semasa.

3. Bagi memenuhi hasrat ini, pendekatan melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) perlu digerakkan dengan mewujudkan KIK di peringkat jabatan. Sehubungan dengan itu, **puan dengan ini adalah dilantik sebagai Ketua KIK I-Smug** dengan harapan agar hasrat jabatan dapat direalisasikan.

100-14/5 JLD. 4 (16)

SENARAI EDARAN

Kumpulan Inovatif dan Kreatif I-Smug

1. Puan Nurulsuhada binti Khairudin
Ketua Seksyen Rekod
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
2. Puan Nuraziraakmar binti Othman
Pembantu Syariah
Seksyen Rekod
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

2. Kelulusan Pelaksanaan Projek

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEMANDU KUALITI, INOVASI & TRANSFORMASI
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR (JAKESS)
BIL.3/ 2019**

Tarikh : 13 Disember 2019
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Aras 4,
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor

HADIR

- | | |
|--|------------------------|
| 1. YA Puan Noor Huda Binti Roslan | - Pengerusi |
| 2. YA Tuan Mohd Asri Bin Tahir | - Ahli |
| 3. Tuan Masnizar @ Mohd Nizar Bin Mohtar | - Setiausaha |
| 4. Tuan Azharizal Bin Arsad | - Ahli |
| 5. Tuan Mohd Nurulazhar Bin Mohd Tohar | - Ahli |
| 6. Puan Herlina Ainizawati Binti Zakaria | - Ahli |
| 7. Puan Maryam Jameelah Binti Ali Sabri | - Ahli |
| 8. Puan Mahmudah Binti Narowi | - Ahli/ Pencatat Minit |
| 9. Tuan Mohd Taufik Naim Bin Kamarudin | - Ahli |
| 10. Puan Noor Lidyawati Binti Salehuddin | - Ahli |
| 11. Puan Rahiza Bin Ab Rahim | - Ahli |
| 12. Puan Norliana Binti Zaimon | - Ahli |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | |
|--|--------|
| 1. YA Tuan Zulfikri Bin Yasoa' | - Ahli |
| 2. YA Tuan Salehan Bin Yatim | - Ahli |
| 3. Tuan Mohd Tajudin Saifullah Bin Abdul Wahab | - Ahli |
| 4. Hairuddin Bin Ab Rahim | - Ahli |
| 5. Encik Ahmad Zuhair Bin A. Mubin | - Ahli |
| 6. Puan Salasiah Binti Shamsudin | - Ahli |
| 7. Tuan Mohd Soleh Bin Bahari | - Ahli |

TURUT HADIR

- | | |
|--------------------------------|---------------------|
| 1. Puan Nurhatika Binti Ismail | - Wakil Pasukan PPR |
|--------------------------------|---------------------|

6. LAPORAN JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI & TRANSFORMASI

- 6.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa KIK i-Smug dan Horizon telah diluluskan untuk membangunkan projek KIK masing-masing.

Makluman

- 6.2 Mesyuarat bersetuju mengambil maklum bahawa bagi projek Transformasi, Pelancaran Komuniti Sulh dan Rakan BSK dijadualkan akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Tindakan : Penyelaras Inovasi

- 6.3 Mesyuarat mengambil maklum terhadap istilah yang telah berubah di dalam Pelan Transformasi Jabatan iaitu "Sahabat Sulh" yang telah ditukar kepada "Komuniti Sulh".

Makluman


7. UCAPAN PENANGGUHAN

- 7.1 Pengerusi mengucapkan tahniah kepada semua kerana telah berjaya melaksanakan program-program Kualiti, Inovasi Dan Transformasi Jabatan bagi tahun 2019.


Makluman

- 7.2 Pengerusi juga berharap pada tahun hadapan boleh mempergiatkan lagi promosi Jabatan terhadap apa yang dikatakan sebagai "unggul" sepertimana dinyatakan di dalam Visi Jabatan iaitu "Merjadi Institusi Kehakiman Syariah yang TERUNGGUL di Malaysia pada tahun 2020 yang berteraskan kepada keadilan Islam".

Makluman



4. Lakaran Sistem



5. Excel Created – e-Trace

The screenshot displays a Microsoft Excel spreadsheet titled "(D1) MAL & JEN 2001-2020 - Excel". The spreadsheet contains a table with 400 rows and 16 columns (A-P). The data is organized into four columns: A (Index), B (ID), C (Date), and D (Code). The table is currently filtered to show rows 367 to 400. The formula bar shows the active cell B383 containing the value "10100-017-0381-2016".


Overlaid on the spreadsheet is the "e-Trace MAIN Properties" dialog box, which is open to the "General" tab. The dialog box provides the following information:

- File Name:** e-Trace MAIN
- Type of file:** Microsoft Excel Worksheet (.xlsx)
- Opens with:** Excel
- Location:** C:\Users\USER\Desktop\EYRA REKOD
- Size:** 1.73 MB (1,824,624 bytes)
- Size on disk:** 1.74 MB (1,826,816 bytes)
- Created:** Wednesday, 6 October, 2021, 12:29:41 PM
- Modified:** Tuesday, 15 February, 2022, 11:30:11 AM
- Accessed:** Today, 14 March, 2022, 58 minutes ago
- Attributes:** ☐ Read-only ☐ Hidden
- Security:** This file came from another computer and might be blocked to help protect this computer. ☐ Unblock


The Windows taskbar at the bottom shows the system clock as 4:42 PM on 14/3/2022, with a temperature of 31°C and various background applications open.


	A	B	C	D
367	365	10100-026-0365-2016	10/4/2018	K37
368	366	10100-011-0366-2016	9/8/2021	K37
369	367	10100-040-0367-2016	14/11/2017	K37
370	368	10100-038-0368-2016	17/4/2017	K37
371	369	10100-017-0369-2016	28/6/2018	K37
372	370	10100-012-0370-2016	9/8/2021	K37
373	371	10100-012-0371-2016	9/8/2021	K38
374	372	10100-043-0372-2016	31/12/2015	K38
375	373	10100-011-0373-2016	10/3/2017	K38
376	374	10100-028-0374-2016	9/8/2021	K38
377	375	10100-028-0375-2016	10/3/2017	K38
378	376	10100-028-0376-2016	9/8/2021	K38
379	377	10100-028-0377-2016	30/6/2017	K38
380	378	10100-017-0378-2016	15/3/2017	K38
381	379	10100-028-0379-2016	9/8/2021	K38
382	380	10100-017-0380-2016	9/8/2021	K38
383	381	10100-017-0381-2016	31/12/2018	K39
384	382	10100-040-0382-2016	10/3/2017	K39
385	383	10100-012-0383-2016	9/8/2021	K39
386	384	10100-012-0384-2016	10/3/2017	K39
387	385	10100-034-0385-2016	9/8/2021	K39
388	386	10100-012-0386-2016	10/3/2017	K39
389	387	10100-028-0387-2016	9/8/2021	K39
390	388	10100-011-0388-2016	9/8/2021	K39
391	389	10100-040-0389-2016	9/8/2021	K39
392	390	10100-028-0390-2016	17/4/2017	K39
393	391	10100-012-0391-2016	17/4/2017	K40
394	392	10100-038-0392-2016	9/8/2021	K40
395	393	10100-028-0393-2016	17/4/2017	K40
396	394	10100-075-0394-2016	9/8/2021	K40
397	395	10100-040-0395-2016	9/8/2021	K40
398	396	10100-028-0396-2016	9/8/2021	K40
399	397	10100-028-0397-2016	10/3/2017	K40
400	398	10100-028-0398-2016	9/8/2021	K40

6. Laman Utama e-CFTS




7. e-CFTS





8. Laman Utama e-AFTS



Picktime | Calendar x Book an Appointment with REKO x WhatsApp x e-AFTS - LAMAN UTAMA - Made with Glide

← → ↻ itchy-shirt-5578.glideapp.io

5:18 LAMAN UTAMA



SELAMAT DATANG

UNTUK KEGUNAAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN JAKESS SAHAJA

I) Semua urusan fail am boleh merujuk kepada senarai fail am melalui kod yang dipaparkan. Sekiranya data rekod tiada, boleh berhubung dengan Seksyen Rekod untuk tindakan seterusnya.

ii) Sebarang urusan peminjaman fail hendaklah melalui link di bawah:

Pautan untuk pinjaman fail 

III) Paparan lokasi fail am akan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa oleh pegawai rekod.



Scan this code with your phone or tablet to preview it. [Learn how](#)



e-AFTS

by rekodjakess

Made with Glide from a Google Sheet, without writing any code.



SHARE APP

[Make your own app with Glide](#)

Type here to search

31°C 5:18 PM 14/3/2022

9. e-AFTS



10. e-RBS

WELCOME MESSAGE

1. Sila pastikan tuan/puan menerima e-mel pengesahan untuk ditunjukkan kepada Pegawai Rekod Jabatan/Pembantu Tabir Rekod Jabatan bagi kebenaran masuk untuk berurusan di kaunter Seksyen Rekod.
2. Sila pastikan tuan/puan hadir tepat pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
3. Sila pastikan nombor fail diisi LENGKAP sebelum berurusan di kaunter Seksyen Rekod.
4. Pihak Seksyen Rekod boleh membatalkan/menjadualkan semula sesi temujanji jika perkara 1 - 3 di atas tidak dipatuhi atau terdapat perubahan arahan dari semasa ke semasa.
5. Tempoh peminjaman fail adalah 14 hari termasuk cuti. Sekiranya peminjam ingin menggunakan fail melebihi tempoh yang telah ditetapkan, tuan/puan hendaklah berurusan dengan Seksyen Rekod untuk pengemaskinian rekod pinjaman.
6. KEMUDAHAN e-RBS INI HANYALAH UNTUK PERKHIDMATAN DI BANGUNAN IBU PEJABAT JAKESS SAHAJA.

Location: JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR, BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH SULTAN IDRIS SHAH, SHAH ALAM, SELANGOR, 40000.

We use cookies which allows Picktime to optimize your user experience and to analyse the traffic on the website. Visit our cookie policy page.

Made with by Picktime

Picktime | Calendar x Book an Appointment with x WhatsApp x e-AFTS - REKOD AM 100 x REKOD AM 100-400 - 100 x

picktime.com/eRBS

REKOD JAKESS
Officials/Legal Services

e-Record Borrowing Sys... > Record Borrowing S... > Mar 15, 11:30 AM > Info > Complete

Enter your Information:

FIRST NAME *
Rekod

EMAIL ID *
rekodselangor@gmail.com

MOBILE NUMBER *
+60 17-248 7176

LOCATION/SECTION *

CASE FILE NUMBER / REFERENCE NUMBER *

BOOKING NOTES

☒ I confirm that I have read, understand and agree to the Terms and Conditions.

✓ Book Appointment

Location
View larger map
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
Sultan Abdul Aziz Shah
SEKSYEN 5
VILLA
Sultan Abdul Aziz Shah
Map Data Terms of Use
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
SELANGOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
SULTAN IDRIS SHAH, SHAH ALAM,
SELANGOR, 40000.

Type here to search

31°C 5:30 PM 14/3/2022

11. Administrator e-RBS

Picktime | Calendar x Book an Appointment with... x WhatsApp x e-AFTS · REKOD AM 100 · x REKOD AM 100-400 · 100 · x +

picktime.com/app#calendar/s/w/20220213/all/7a776ffc-066f-4221-ad22-0311d7bf4eca

REKOD JAKESS v

Calendar

Upgrade + New Appointment

All Locations Record ... 13th - Feb 19th, 2022 Weekly Daily Monthly

Record Borrowing System (e-RBS)

	13th Sun	14th Mon	15th Tue	16th Wed	17th Thu	18th Fri	19th Sat
8am							
9am		+ 9:00 - Nurnazliya fo	+ 9:00 - Nurnazliya fo	+ 9:00 - Nurnazliya fo	+ 9:00 - MAHFUZH fo		
9:30		+ 9:30 - Nurnazliya fo	+ 9:30 - SITI SALMIAH fo				
10am		+ 10:00 - Azzamirna fo	+ 10:00 - NORSAFIA fo				
10:30		+ 10:30 - Azzamirna fo	+ 10:30 - NUR DIYANA fo				
11am		+ 11:00 - ANIRALISA E fo					
11:30		+ 11:30 - Nurnazliya fo					
12pm		+ 12:00 - Nurnazliya fo					
12:30		+ 12:30 - Nurnazliya fo					
1pm							
2pm		+ 2:00 - SITI SALMIAH fo			+ 2:00 - mahfuzah fo		
2:30		+ 2:30 - LUQMAN HAK fo					
3pm				+ 3:00 - LUQMAN HAK fo			
3:30		+ 3:30 - MAHFUZH fo					
4pm							
5pm							
6pm							
7pm							
8pm							
9pm							

Picktime | Calendar x Book an Appointment with... x WhatsApp x e-AFTS · REKOD AM 100 · x REKOD AM 100-400 · 100 · x +

picktime.com/app#calendar/s/w/20220213/all/7a776ffc-066f-4221-ad22-0311d7bf4eca



REKOD JAKESS v

Appointment Details

Nurnazliya

Weekly Daily Monthly

12. Penambahbaikan sistem hasil komentar ahli



13. Rekod Jakess

REKOD JAKESS

S.No	Location	Team Member	Service Type	Cost	Date	CASE FILE NUMBER / REFERENCE NUMBER	Booking Notes	Status	Customer Name	Email
1	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR	Record Borrowing System (e-RBS)	e-Record Borrowing System (e-RBS)	0	Feb 3 2022, 9:00 AM	10300-017-0205-2008 & 10500-024-0026-2009		New	Azzamirna	azzamirna@esyariah.gov.n
2	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR	Record Borrowing System (e-RBS)	e-Record Borrowing System (e-RBS)	0	Feb 3 2022, 2:00 PM	10600-012-0061-2016		New	SITI NOR AISHAH BINTI KARIM	sitinoraishah@esyariah.go
3	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR	Record Borrowing System (e-RBS)	e-Record Borrowing System (e-RBS)	0	Feb 4 2022, 9:00 AM	10400-025-0217-2014	THANKS..	New	Mahfuzah	fuzaabdshukor@gmail.com
4	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR	Record Borrowing System (e-RBS)	e-Record Borrowing System (e-RBS)	0	Feb 4 2022, 10:00 AM	10400-017-0101-2014	mohon semakan fail dan perintah	New	Nathrah	nathnathrah@gmail.com
5	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR	Record Borrowing System (e-RBS)	e-Record Borrowing System (e-RBS)	0	Feb 7 2022, 9:00 AM	10300-028-0133-2015		New	Azzamirna	azzamirna@esyariah.gov.n
6	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR	Record Borrowing System (e-RBS)	e-Record Borrowing System (e-RBS)	0	Feb 7 2022, 2:00 PM	10200-028-0456-2016		New	ANIRALISA BINTI ADNAN	dewandua2@gmail.com
7	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR	Record Borrowing System (e-RBS)	e-Record Borrowing System (e-RBS)	0	Feb 7 2022, 9:00 AM	500-7/4/28		New	NOR	nlqodri@esyariah.gov.my

14. Hebahan kepada kakitangan

KELEBIHAN e-RBS

1. Memudahkan urusan pinjaman sama ada dari pihak peminjam/Sekoyen Rekod.
2. Sekoyen Rekod boleh mencetak terut pemohonan pinjaman yang dibuat dalam sistem tanpa perlu pihak peminjam mengisi borang permohonan secara manual kerana semua maklumat yang diperlukan seperti nama peminjam, no telefon, email, tarikh, tujuan & lokasi peminjam telah dimasukkan oleh peminjam di dalam sistem tersebut.
3. Memudahkan pemantauan rekod pinjaman fail dibuat.
4. Sekoyen Rekod boleh menyekat permohonan pinjaman dibuat pada tarikh-tarikh tertentu sekiranya tiada kakitangan pada tarikh tersebut seperti menghadiri kursus, mesyuarat, cuti dan sebagainya.
5. Dapat mengetahui jumlah keseluruhan pinjaman yang dipohon pada setiap bulan dengan mudah berdasarkan maklumat laporan yang tertera dalam sistem tersebut tanpa perlu menyepak satu persatu borang pinjaman manual.



Wanie Amani



maryam



Muhammad yuszaini



You





Majlis PERHIMPUNAN JABATAN BIL.4/2021, SAMBUTAN HARI INTEGRITI & HARI INOVASI JAKESS

JUMAAT
19 NOVEMBER
2021

SECARA HIBRID
DEWAN MUKTAMAR,
DAN SECARA DALAM
TALIAN



ATURCARA MAJLIS

8.15 pagi	: Pendaftaran masuk Pegawai dan Kakitangan JAKESS Sarapan Pagi
8.30 pagi	: Ketibaan YAA Dato' Mohammad Adib Bin Husain Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
8.40 pagi	: Nyanyian Lagu Negeri Selangor dan Lagu Negaraku Bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam Bacaan Doa
9.00 pagi	: Bacaan Ayat Suci Al-Quran serta Terjemahan
9.30 pagi	: Amanat oleh YAA Dato' Mohammad Adib bin Husain Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
10.00 pagi	: Pembentangan Inovasi JAKESS Rekod latihan Rekod fail
10.30 pagi	: Ceramah Integriti oleh Puan Rosaniza Binti Omar Penolong Setiausaha, Bahagian Naik Pangkat & Tatatertib Tajuk : Kehadiran Dan Cuti : Kesalahan-Kesalahan Yang Lazim Dilakukan
11.30 pagi	: Slot BAKEMAS
11.45 pagi	: Penyampaian Sijil Penghargaan KIK D-Blast Penyampaian Sijil EKSA kepada setiap Zon
12.00 t/hari	: Pengumuman Pertandingan EKSA Tahun 2021
12.15 t/hari	: Makan Tengah Hari Bersurai

Amanat Oleh:
YAA Dato' Mohammad Adib Bin Husain
Ketua Hakim Syarie Selangor

Ceramah Integriti Oleh:
Puan Rosaniza Binti Omar
Penolong Setiausaha,
Bahagian Naik Pangkat & Tatatertib



****Lelaki: Baju Melayu lengkap bersongkok dan bersampin**
****Wanita: Baju Kurung sopan dan menutup aurat**